

等 別：普通考試
類 科：外語導遊人員（馬來語）
科 目：外國語（馬來語）
考試時間：1 小時 20 分

座號：_____

※注意：(一)本試題為單一選擇題，請選出一個正確或最適當的答案，複選作答者，該題不予計分。
(二)本科目共 80 題，每題 1.25 分，須用 2B 鉛筆在試卡上依題號清楚劃記，於本試題上作答者，不予計分。
(三)禁止使用電子計算器。

- 1 " _____ berdua ialah suami isteri," kata Ben dan Rebecca kepada James.
(A) Kamu (B) Kami (C) Beliau (D) Kalian
- 2 Jangan pergi ke _____ kerana persembahan akan bermula sebentar lagi.
(A) apa-apa (B) bila-bila (C) mana-mana (D) siapa-siapa
- 3 Pasar malam itu kelihatan _____ akibat hujan lebat.
(A) sunyi (B) nyaman (C) pekat (D) sejuk
- 4 Pemandu pelancong itu sangat _____ kerana salah seorang ahli kumpulannya masih belum balik ke hotel walaupun sudah larut malam.
(A) gembira (B) risau (C) rindu (D) malu
- 5 Semua teksi di Taiwan berwarna _____.
(A) merah (B) kuning (C) biru (D) hijau
- 6 " _____ akan bertolak tepat pada pukul satu petang," kata ketua kumpulan kepada semua anak muridnya.
(A) Beliau (B) Dia (C) Hamba (D) Kita
- 7 Ah Meng _____ Sam tidak dapat masuk ke bilik _____ kunci mereka telah hilang.
(A) dan...kerana (B) atau...dan (C) serta...supaya (D) sambil...bahawa
- 8 Tolong tutupkan lampu dan semua bekalan elektrik _____ keluar dari rumah.
(A) bahawa (B) walaupun (C) sebelum (D) selepas
- 9 Semua tetamu sedang menikmati makanan _____ berbual-bual antara satu sama lain.
(A) tetapi (B) sambil (C) hingga (D) kerana
- 10 _____ usianya tujuh puluh tahun _____ dia masih bertenaga.
(A) Bagaimana...beginitulah (B) Baik...mahupun
(C) Sama ada...ataupun (D) Walaupun...namun
- 11 Lokasi Kaohsiung terletak di bahagian _____ Taiwan.
(A) timur (B) barat (C) selatan (D) utara
- 12 Semua penumpang dilarang berdiri di _____ tangga bas.
(A) tepi (B) atas (C) bawah (D) dalam
- 13 Gerai makanan di _____ jalan itu tidak berniaga hari ini.
(A) dalam (B) bawah (C) atas (D) tepi
- 14 Jasin dan Sani bersahabat baik. _____ tidak pernah berselisih faham.
(A) Mereka (B) Kami (C) Kita (D) Baginda
- 15 "Abang _____ seorang doktor. _____ bertugas di Hospital Gleneagles," beritahu Amy kepada Jack.
(A) beliau...Saya (B) beliau...Kita (C) saya...Dia (D) kita...Kami
- 16 " Jika ada keperluan, sila beritahu saya pada _____ masa sahaja," kata pemandu pelancong kepada ahli kumpulannya.
(A) apa-apa (B) bila-bila (C) mana-mana (D) siapa-siapa

- 17 Tanpa kunci, anda membuka pintu ini dengan _____?
(A) apa (B) siapa (C) mana (D) bila
- 18 Ramai pejalan kaki berteduh di _____ pondok perhentian bas sementara menunggu hujan berhenti.
(A) tepi (B) antara (C) bawah (D) atas
- 19 Kakak saya _____ bekerja sebagai seorang pramugari sebelum dia berumah tangga.
(A) akan (B) pernah (C) masih (D) sedang
- 20 Kita _____ pergi ke Pantai Kending pada minggu hadapan.
(A) sudah (B) telah (C) belum (D) akan
- 21 " Kita _____ sampai di lapangan terbang sebelum pukul tujuh pagi," kata ketua kumpulan.
(A) mesti (B) sedang (C) masih (D) belum
- 22 Elisa _____ masuk ke kasino kerana belum cukup umur.
(A) akan boleh (B) masih boleh (C) belum boleh (D) belum akan
- 23 Hampir semua tanaman di kawasan Yunlin musnah disebabkan oleh _____ pada bulan Ogos yang lalu.
(A) ribut salji (B) udara dingin (C) angin ahmar (D) ribut taufan
- 24 Orang ramai beratur semasa membeli tiket tambang di _____.
(A) balai polis (B) pejabat pos (C) balai bomba (D) stesen bas
- 25 Kami sekeluarga biasa keluar _____ pada setiap percutian sekolah.
(A) makan suap (B) makan sirih (C) makan angin (D) makan hati
- 26 Ibu telah membeli banyak _____ untuk sahabat handainya di kampung.
(A) buah tangan (B) buah mulut (C) buah hati (D) buah fikiran
- 27 Ayah berasa _____ apabila abang tamat pengajiannya di universiti.
(A) senang hati (B) sakit hati (C) panas hati (D) iri hati
- 28 Haslina menyusun _____ di atas meja sementara menunggu hidangan makan malam.
(A) periuk api (B) kerusi meja (C) alat tulis (D) pinggan mangkuk
- 29 Peredaran _____ baru bernilai dua ribu NT telah dimulakan setahun yang lalu.
(A) mata buku (B) mata kaki (C) mata wang (D) mata cincin
- 30 _____ adik termasuk air kerana tidak ditanggalkan semasa berenang.
(A) Jam dinding (B) Jam tangan (C) Jam pasir (D) Jam saku
- 31 Pak Hussin _____ apabila melihat kerosakan pada bagasinya.
(A) darah naik (B) darah tinggi (C) naik kepala (D) naik darah
- 32 Kasturi seorang yang _____, oleh itu dia mudah mendapat kawan baru.
(A) ringan kepala (B) ringan mulut (C) ringan tangan (D) ringan tulang
- 33 Terdapat sesetengah orang yang gemar menyimpan barang-barang _____ kerana barang itu mungkin bernilai tinggi.
(A) usang (B) buruk (C) dulu (D) antik
- 34 Reka bentuk baju musim sejuk itu sangat laris di pasaran. (同義詞)
(A) laku (B) rugi (C) untung (D) cepat
- 35 Bella menempah tiket kapal terbang untuk pulang ke tanah airnya. (同義詞)
(A) membeli (B) memohon (C) memesan (D) mengambil
- 36 Perbelanjaan secara hemat akan menjamin masa depan kita. (同義詞)
(A) boros (B) sedikit (C) cermat (D) sopan

- 37 Tilam di dalam hotel itu sungguh empuk. (同義詞)
(A) kasar (B) kenyal (C) halus (D) lembut
- 38 Bunga mawar yang dihadiahkan oleh teman lelaki kakak itu begitu harum baunya. (同義詞)
(A) kacak (B) wangi (C) enak (D) busuk
- 39 Amy ialah anak kandung kepada pasangan Encik Johan dan Puan Kasturi. (反義詞)
(A) anak bongsu (B) anak sulung (C) anak yatim (D) anak angkat
- 40 Pemandangan di atas Bukit Alishan amat menarik terutama pada waktu terbit matahari. (反義詞)
(A) tiba (B) terbenam (C) turun (D) muncul
- 41 Orang tua itu selalu mengutip ting kosong atau botol kosong untuk dijual. (反義詞)
(A) membuang (B) memungut (C) menyapu (D) mengambil
- 42 Suasana di Pantai Kending sungguh panas. (反義詞)
(A) lembap (B) hangat (C) salji (D) sejuk
- 43 Kasut yang baru dibeli oleh Samsudin itu agak longgar dan tidak selesa apabila dipakai. (反義詞)
(A) kecil (B) ketat (C) besar (D) labuh
- 44 Semalam ialah hari Sabtu. Esok hari _____.
(A) Khamis (B) Jumaat (C) Ahad (D) Isnin
- 45 Penggunaan Kad Easy agak meluas di seluruh Taiwan, kegunaannya termasuk _____.
I . Membeli-belah di kedai serbaneka seperti "Kedai 7-11".
II . Menaiki pengangkutan awam di pusat bandar.
III . Meminjam basikal di stesen tertentu.
IV . Membeli tiket bas atau keretapi.
(A) I 、 II (B) III 、 IV (C) I 、 II 、 IV (D) I 、 II 、 III 、 IV
- 46 Semua penumpang dilarang _____ di dalam MRT.
(A) berbual-bual (B) membaca surat khabar
(C) berdiri (D) makan dan minum
- 47 Benda apakah yang dilarang bawa ke dalam ruang penumpang kapal terbang ?
(A) makanan snek (B) pisau (C) selimut (D) botol kosong
- 48 Warganegara Malaysia perlu memohon visa tambahan jika ingin berdiam di Taiwan lebih daripada _____ hari.
(A) empat belas (B) dua puluh satu (C) tiga puluh (D) empat puluh lima
- 49 Kenderaan apakah yang tidak dibenarkan naik ke atas lebuh raya di Taiwan ?
(A) motosikal biasa (B) kereta (C) lori (D) bas
- 50 Tempat pemandu kereta di Taiwan ada di _____ kereta.
(A) sebelah kiri (B) sebelah kanan (C) belakang (D) atas
- 51 Apakah kemudahan baru yang ada di stesen MRT pusat bandar Taipei baru-baru ini ?
I . Menggunakan akses internet wayarles.
II . Zon mengecas bekalan elektrik.
III . Perkhimatan sewaan kereta.
IV . Zon sewaan basikal.
(A) I 、 II 、 III (B) I 、 II 、 IV (C) I 、 III 、 IV (D) II 、 III 、 IV
- 52 Kini, kebanyakan penumpang bas di pusat bandar membayar tambang dengan menggunakan _____.
(A) kupon tambang (B) wang kertas (C) tiket (D) Kad Easy

- 53 Biasanya perkhimatan MRT akan tamat pada pukul _____.
(A) dua belas tengahari (B) dua belas malam
(C) enam pagi (D) enam petang
- 54 Penerbangan dari Kuala Lumpur terus ke Taiwan biasanya akan mengambil masa lebih kurang _____.
(A) empat jam tiga puluh minit (B) empat belas jam tiga puluh minit
(C) empat puluh jam tiga minit (D) empat puluh minit
- 55 Semua orang _____ supaya membawa beg atau bekas mengisi barang semasa membeli-belah di pasar raya.
(A) digalakkan (B) diwajibkan (C) dipaksa (D) dimarah
- 56 Suhu di Taiwan akan bertukar _____ pada bulan Disember.
(A) panas (B) dingin (C) hangat (D) bahaya
- 57 Semua umat Islam akan bersembahyang _____ di masjid.
(A) minggu (B) Ahad (C) Jumaat (D) Selasa
- 58 Biasanya _____ menjadi tempat kegemaran pelancong asing untuk menikmati makanan snek Taiwan.
(A) kawasan bukit (B) pasar malam (C) kedai perhiasan (D) pejabat pelancong
- 59 _____ merupakan suatu kesenian tradisi yang sangat unik di Taiwan.
(A) Pertunjukan boneka (B) Layang-layang
(C) Persembahan bunga berapi (D) Permainan congkak
- 60 Ramai pelancong asing gemar melawat ke _____ kerana ia merangkumi sejarah dan budaya Tionghua selama lima ribu tahun.
(A) Zoo Negara (B) pasar malam
(C) Muzium Gugong (D) Stesen Keretapi Taipei
- 61 Semua orang Taiwan merayakan Hari Bapa pada _____.
(A) satu haribulan Januari (B) lapan haribulan Ogos
(C) sepuluh haribulan Oktober (D) dua puluh lima haribulan Disember
- 62 Taipei 101 akan mengadakan persembahan bunga api tiap-tiap tahun sempena menyambut _____.
(A) Tahun Baru Cina (B) Hari Kebangsaan (C) Hari Krismas (D) Tahun Baru
- 63 Berikut ialah benda penting yang dicadangkan jangan tinggal di dalam hotel kecuali _____.
(A) bagasi besar (B) barang kemas (C) passport (D) wang
- 64 Sebagai langkah untuk menggalakkan kesedaran terhadap alam sekitar, apakah yang perlu dibuat oleh warganegara dalam kehidupan harian.
I . Jangan membazirkan bekalan air dan tenaga elektrik semasa tidak menggunakannya.
II . Matikan enjin kenderaan jika berhenti dalam jangka masa yang agak panjang.
III . Membuat pengelasan sisa rumah tangga.
IV . Galakan terhadap penggunaan alat pengangkutan awam.
(A) I 、 III (B) II 、 IV (C) I 、 II 、 III (D) I 、 II 、 III 、 IV
- 65 Berikut ialah bencana alam sekitar yang sering berlaku di Taiwan kecuali _____.
(A) ribut taufan (B) letupan gunung berapi
(C) gempa bumi (D) tanah runtuh akibat hujan lebat
- 66 Hari kebangsaan Taiwan ialah pada _____.
(A) dua puluh lapan haribulan Februari (B) sepuluh haribulan Oktober
(C) dua puluh lima haribulan Disember (D) dua puluh lapan haribulan September

- 67 Makanan berikut ialah makanan halal kecuali _____.
(A) daging bakar lembu (B) kari sayur dan ikan
(C) mee sup ayam (D) bubur daging babi
- 68 _____ merupakan minuman yang biasa dan mudah dibeli di seluruh Taiwan.
(A) Teh tarik (B) Teh susu mutiara (C) Air sirap (D) Kopi putih
- 69 Penerbangan ke Kuala Lumpur petang ini telah _____ kerana ribut taufan yang sangat kencang.
(A) dikosongkan (B) diselesaikan (C) diambulkan (D) dibatalkan
- 70 Puan Lee : Terima kasih kerana sudi menolong !
Encik Tan : _____
(A) Sama-sama, beg ini tidak berat. (B) Saya sihat, terima kasih.
(C) Dia kawan baik saya. (D) Kamu berada di sini sebenarnya.

Pencemaran bermaksud sesuatu keadaan yang bersih telah dikotori atau rosak oleh sesuatu perbuatan. Pencemaran terdiri daripada pelbagai jenis, antaranya ialah pencemaran air, pencemaran udara dan pencemaran bunyi. Kebanyakan disebabkan oleh aktiviti manusia itu sendiri yang semata-mata ingin mengejar keuntungan tanpa menyedari kesan sampingan terhadap alam sekitar.

Pencemaran air berlaku akibat sikap sesetengah manusia yang membuang sampah sarap ke dalam sungai. Perbuatan ini akan menjejaskan bekalan air bersih kepada penggunaannya. Sungai-sungai turut tercemar, banyak hidupan sungai dan laut mati serta pupus akibat perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini.

Pencemaran udara berlaku akibat pelepasan asap ke ruang udara oleh kenderaan, pembakaran terbuka dan asap dari kilang-kilang. Udara tercemar boleh menyebabkan penyakit berkaitan dengan system penafasan manusia.

Pencemaran bunyi pula disebabkan oleh pembangunan yang pesat. Kerja-kerja di tapak pembinaan menghasilkan pelbagai bunyi bising. Bunyi-bunyi bising ini keluar daripada jentera dan mesin yang digunakan.

Sebagai kesimpulan, masalah pencemaran alam ini harus *dibendung* dengan segera. Pihak-pihak yang menyebabkan berlakunya pencemaran alam sekitar patut dikenakan tindakan undang-undang yang tegas. Di samping itu, masyarakat perlu dididik agar mencintai dan memelihara alam sekitar. Alam sekitar yang tidak tercemar dapat mewujudkan suasana hidup yang lebih selesa dan selamat.

- 71 Berikut berkaitan dengan pencemaran alam sekitar **kecuali** _____.
(A) pencemaran binatang (B) pencemaran udara
(C) pencemaran bunyi (D) pencemaran air
- 72 Apakah kesan utama akibat pencemaran air sungai ?
(A) Banyak hidupan laut akan mati dan pupus.
(B) Menjejaskan kualiti bekalan air ke rumah-rumah.
(C) Memburukkan imej Negara.
(D) Mengorbankan nyawa penduduk yang tinggal di tepi sungai.
- 73 Antara berikut yang manakah **bukan** punca utama berlakunya pencemaran udara ?
(A) Pengeluaran asap daripada kenderaan. (B) Pengeluaran asap dari kilang-kilang.
(C) Kerja-kerja di tapak pembinaan. (D) Pembakaran terbuka.

- 74 Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan.
- (A) Pencemaran air sungai menyebabkan banyak hidupan sungai mati dan pupus.
 - (B) Pertambahan bilangan kenderaan di jalan raya menyebabkan masalah pencemaran udara semakin teruk.
 - (C) Alam sekitar yang tercemar dapat mewujudkan suasana hidup yang lebih selesa dan selamat.
 - (D) Pencemaran alam sekitar boleh menjejaskan kesihatan dan kualiti hidup.
- 75 Perkataan *dibendung* dalam petikan membawa maksud _____.
- (A) ditamatkan
 - (B) diselesaikan
 - (C) diberes
 - (D) diatasi

Menurut istilah saintifik, obesiti berlaku apabila seseorang makan lebih banyak makanan yang berkalori daripada bahan yang dibakar oleh tubuhnya.

Sudah *menjadi lumrah* ibu bapa hanya memberikan yang terbaik untuk anak mereka. Ada ibu bapa yang terlalu memanjakan anak-anak sehingga gagal mengawal pemakanan mereka. Mereka gembira melihat anak mereka gemuk. Hal ini menandakan anak mereka mendapat cukup makanan.

Anak yang mengalami obesiti akan berhadapan dengan masalah berat badan berlebihan sepanjang hayat mereka. Apabila gemuk, kanak-kanak ini akan terus mengamalkan pemakanan yang berlebihan kerana mereka memerlukan lebih banyak tenaga untuk bergerak. Kesannya akan mendatangkan penyakit yang kronik seperti sakit jantung, kencing manis, tekanan darah tinggi dan barah.

Ibu bapa yang mempunyai anak yang terlalu gemuk perlu mendapatkan khimat nasihat daripada pakar pediatrik, pakar pemakanan atau pakar diet. Walau bagaimanapun, tiada jaminan nasihat pakar dapat menghasilkan keputusan yang positif. Jalan yang paling baik adalah dengan mengawal pemakanan anak-anak dan menjaga kesihatan mereka. Bak kata pepatah *alah bias tegal biasa*.

- 76 Apakah maksud obesiti ?
- (A) Makan makanan yang banyak kalori.
 - (B) Badan tidak sempat membakar kalori.
 - (C) Makan lebih daripada yang diperlukan.
 - (D) Sering makan makanan berkalori agar tubuh dapat membakarnya.
- 77 Mengapakah ibu bapa gagal mengawal pemakanan anak-anak ?
- (A) Untuk membuktikan anak-anak mereka mendapat makanan yang cukup.
 - (B) Mereka ingin anak-anak mereka gemuk.
 - (C) Kerana terlalu memanjakan anak-anak mereka.
 - (D) Kerana anak-anak mereka terlalu lapar.
- 78 Bagaimanakah cara untuk mengelakkan diri daripada mendapat penyakit kronik ?
- (A) Bersenam selepas makan banyak.
 - (B) Berjumpa dengan doktor setiap bulan.
 - (C) Selalu bergerak untuk mendapatkan tenaga.
 - (D) Menjaga makanan dan selalu bersenam.
- 79 Pernyataan manakah yang **tidak benar** tentang petikan ?
- (A) Obesiti sesuatu yang membahayakan.
 - (B) Nasihat daripada pakar tentang obesiti selalunya tepat.
 - (C) Antara punca sakit jantung, kencing manis dan tekanan darah tinggi adalah daripada obesiti.
 - (D) Kanak-kanak yang gemuk memerlukan makanan yang berlebihan untuk mendapatkan tenaga.
- 80 Rangkai kata *menjadi lumrah* dalam petikan bermaksud _____.
- (A) menjadi kebiasaan
 - (B) sering berlaku
 - (C) sesuatu yang wajar
 - (D) menjadi kemestian